

BAHAGIAN LINGUISTIK BAHASA MELAYU

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2021/2022

HMT223 MORFOLOGI BAHASA MELAYU

AHLI KUMPULAN

	NUR ATHIRAH BINTI CHE ZAMBELI 148249
	NUR DIHANIS SOFEA BT MD RUSDI 148536
	NUR HAZWANI BINTI ZAINI 151381
	ROZALINA BINTI ANDI 151776

WAKTU TUTORIAL

ISNIN (4 – 5 PETANG)

NAMA PENSYARAH

DR. NORSOFIAH ABU BAKAR

SOALAN 1

(a) Nyatakan bentuk dan jenis imbuhan yang terlibat dalam menerbitkan kata kerja dalam DATA A.

KATA KERJA	BENTUK IMBUHAN	JENIS IMBUHAN
bersuami	ber-	prefiks
bersuamikan	ber-....-kan	konfiks
panjangkan	-kan	sufiks
memanjangkan	mem-....-kan	konfiks
menyeramkan	meny-....-kan	konfiks
keganasan	ke-....-an	konfiks
pergerakan	per-....-kan	konfiks
seibu	se-	prefiks

b) Kenal pasti golongan kata bagi setiap morfem akar kata kerja terbitan dan berikan ujian golongan kata dari aspek morfologi dan sintaksis untuk menyokong hujah anda.

MORFEM AKAR	GOLONGAN KATA	UJIAN MORFOLOGI	UJIAN SINTAKSIS
suami	Kata nama	Suami ialah golongan kata nama kerana boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama.	Suami ialah golongan kata nama kerana boleh didahului oleh kata bantu contohnya Rohani telah bersuami. Telah ialah kata bantu aspek yang hadir sebelum kata nama.
panjang	Kata adjektif	Panjang ialah golongan kata adjektif kerana membawa makna sifat bagi sesuatu perkara.	Panjang ialah golongan kata adjektif kerana boleh diikuti oleh kata penguat. Sebagai contoh, Paip itu sangat panjang. Sangat ialah kata penguat bebas.

seram	Kata adjektif	Seram ialah golongan kata adjektif kerana membawa makna sifat bagi sesuatu perkara.	Seram ialah golongan kata adjektif kerana boleh hadir bersama kata penguat. Sebagai contoh, cerita itu sungguh seram. Seram ialah kata penguat bebas.
ganas	Kata adjektif	Ganas ialah golongan kata adjektif kerana membawa makna sifat bagi sesuatu perkara.	Ganas ialah golongan kata adjektif kerana boleh disertai oleh kata penegas sama ada di hadapan atau di belakang. Sebagai contoh, abang memang ganas ketika bermain bola sepak. Memang ialah kata penegas.
gerak	Kata kerja	Gerak ialah golongan kata kerja kerana membawa makna perbuatan.	Gerak ialah golongan kata kerja kerana hadir di dalam predikat ayat. Sebagai contoh, kereta itu gerak laju.
ibu	Kata nama	Ibu ialah kata nama kerana boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama.	Ibu ialah kata nama kerana boleh menjadi subjek ayat misalnya Ibu saya sangat cantik.

c) Apakah perubahan yang berlaku apabila imbuhan dalam (a) dipraktikan pada setiap morfem akar dalam (b)?

Perubahan yang berlaku apabila imbuhan dalam (a) dipraktikan pada setiap morfem akar dalam (b) ialah perubahan dari segi golongan kata. Morfem akar yang pada asalnya ialah kata nama berubah menjadi kata kerja apabila menerima imbuhan. Sebagai contoh yang boleh diambil ialah suami. Suami ialah kata nama kerana suami menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama dan boleh menjadi subjek dalam ayat. Apabila kata nama suami menerima proses pengimbuhan iaitu ber menjadi bersuami iaitu kata kerja. Oleh itu, proses imbuhan ini telah menyebabkan berlaku perubahan golongan kata bagi sesuatu kata.

Selain itu, perubahan yang berlaku apabila imbuhan dalam (a) dipraktikan pada setiap morfem akar dalam (b) ialah perubahan makna. Contoh yang dapat kita ambil ialah suami. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, suami bermakna orang (lelaki) yang dikahwin seseorang perempuan. Apabila suami menerima imbuhan konfiks memper-..-kan menjadi mempersuamikan. Mempersuamikan bermakna mengahwinkan (anak perempuan). Oleh hal yang demikian, kita dapat melihat perubahan makna yang ketara apabila sesuatu morfem akar menerima imbuhan.

SOALAN 2

Telitikan DATA B dan jawab soalan [a]-[b]

a) Bina satu jadual yang menepati ciri sebuah jadual. Jadual tersebut memaparkan elemen-elemen yang anda kenal pasti sebagai morfem akar, golongan kata bagi morfem akar, afiks (prefiks, sufiks, konfiks, sisipan), kata terbitan yang dihasilkan dan golongan kata terbitan.

Morfem Akar	Golongan Kata	Afiks	Kata Terbitan yang dihasilkan	Golongan Kata Terbitan
malam	Kata Adjektif	Konfiks	semalam <i>an</i>	Kata Nama
seronok	Kata Adjektif	Prefiks	<i>mer</i> onok	Kata Adjektif
ia	Kata Kerja	Konfiks	<i>meng</i> iakan	Kata Kerja
kelola	Kata Kerja	Konfiks	<i>peng</i> elolaan	Kata Nama
sedia	Kata Adjektif	Prefiks	<i>ber</i> sedia	Kata Kerja
tempat	Kata Nama	Konfiks	<i>men</i> empati	Kata Kerja
cerkap	Kata Kerja	Sisipan	<i>ceme</i> rkap	Kata Adjektif
melulu	Kata Kerja	Sisipan	<i>mel</i> ulu	Kata Kerja
teruna	Kata Nama	-	teruna	Kata Nama
kilau	Kata Adjektif	Konfiks	<i>ber</i> kilauan	Kata Adjektif
geligi	Kata Nama	Prefiks	<i>meng</i> eligi	Kata Kerja
mendak	Kata Nama	Sufiks	mendakan	Kata Kerja
herdik	Kata Kerja	Prefiks	<i>meng</i> herdik	Kata Kerja

panas	Kata Adjektif	Konfiks	memanasi	Kata Kerja
gelincat	Kata Nama	Prefiks	tergelincat	Kata Kerja
perangai	Kata Nama	-	perangai	Kata Nama
wajib	Kata Kerja	Konfiks	kewajipan	Kata Kerja
cembeng	Kata Adjektif	-	cembeng	Kata Adjektif
ayun	Kata Kerja	Konfiks	menghayunkan	Kata Kerja
tangkap	Kata Kerja	Prefiks	merangkap	Kata Kerja
pantas	Kata Adjektif	Konfiks	memantaskan	Kata Kerja
papah	Kata Kerja	Prefiks	memapah	Kata Kerja
sebarang	Kata Tugas	Sisipan	sembarang	Kata Tugas
serondok	Kata Adjektif	-	serondok	Kata Adjektif
tanggung	Kata Kerja	Prefiks	penanggung	Kata Nama
leset	Kata Kerja	Prefiks	meleset	Kata Kerja
jelajah	Kata Kerja	Konfiks	menjelajahi	Kata Kerja

b) Huraikan morfem yang mempunyai ciri morfem derivasi dan morfem infleksi. Tunjukkan hujah-hujah yang menyokong jawapan anda.

Morfem	Ciri Morfem	Hujah
semalam	Derivasi	Morfem akar malam yang menunjukkan waktu malam apabila menerima imbuhan prefiks iaitu [se-] telah mengubah makna perkataan kepada sesuatu yang telah berlalu. Selain itu golongan kata juga berubah malam ialah kata adjektif apabila menerima imbuhan telah berubah menjadi kata nama.

seronok	Infleksi	Perkataan seronok tidak berubah makna kerana menerima morfem bebas dan morfem terikat.
mengiakan	Derivasi	Morfem akar ia yang bermaksud menerima imbuhan konfiks meng-....-kan menjadi kata terbitan mengiakan telah mengalami perubahan makna.
pengelolaan	Derivasi	Morfem akar kelola yang merupakan kata kerja menerima imbuhan peng-....-an telah membentuk kata terbitan pengelolaan yang tergolong dalam kata nama.
bersedia	Derivasi	Morfem akar sedia yang merupakan kata adjektif telah menerima imbuhan prefiks [ber-] membentuk kata terbitan bersedia yang menjadi kata kerja. Imbuhan ber- membawa maksud melakukan sesuatu perbuatan.
menempati	Derivasi	Kata akar tempat yang merupakan golongan kata kata nama menerima imbuhan konfiks men-...-I yang membentuk kata terbitan menempati yang merupakan kata kerja. Menempati membawa maksud proses menempat manakala tempat menunjukkan lokasi.
cemarkap	Derivasi	Kata akar cerkap menerima imbuhan sisipan [em] menjadi kata terbitan cemarkap yang membawa makna membuat kerja secara lalai.

melulu	Infleksi	Melulu merupakan kata tunggal yang tidak menerima sebarang imbuhan menyebabkan ianya juga tidak mengalami sebarang perubahan makna.
teruna	Infleksi	Tidak berubah kerana menerima morfem bebas dan morfem terikat
berkilauan	Derivasi	Kata akar kilau menerima imbuhan ber-...-an telah membentuk kata terbitan berkilauan yang bermaksud mengeluarkan cahaya yang bersinar.
mengeligi	Derivasi	Morfem akar geligi mengalami perubahan makna apabila menerima imbuhan men-. Ianya menjadikan kata terbitan mengeligi. Geligi adalah membawa maksud gigi manakala mengeligi pula membawa maksud tindakan menggil.
mendakan	Derivasi	Morfem akar mendak merupakan kata nama apabila menerima imbuhan -an membawa perubahan makna. Mendakan membawa maksud pepejal yang tidak larut.
mengherdik	Infleksi	Herdik tidak berubah makna walaupun menerima imbuhan [meng-] yang menghasilkan kata terbitan mengherdik
memanas	Derivasi	Morfem akar panas iaitu kata adjektif menerima imbuhan [me-....i] menjadikan kata terbitan memanas yang merupakan kata kerja.

tergelincat	Infleksi	Tidak mengalami perubahan makna kerana golongan kata juga tidak mengalami sebarang perubahan.
perangai	Infleksi	Tidak mengalami perubahan makna dan tidak menerima sebarang imbuhan.
kewajipan	Infleksi.	Morfem akar wajib merupakan kata kerja dan menerima imbuhan konfiks ke-...-an dan menjadi kata terbitan kewajipan tidak mengalami perubahan makna dan merupakan kata kerja.
cembeng	Infleksi	Tidak mengalami perubahan dalam golongan kata dan tidak menerima imbuhan.
mengayunkan	Infleksi	Perkataan mengayunkan tidak berubah makna dan golongan kata. Ianya bermaksud membawa pergerakan.
merangkap	derivasi	Mengalami perubahan makna apabila morfem akar rangkap menerima imbuhan [me-] menjadi kata terbitan merangkap
memantaskan	derivasi	Morfem akar pantas yang bermaksud layak telah mengalami perubahan makna apabila menerima imbuhan [me-...kan] yang menghasilkan kata terbitan memantaskan yang membawa maksud sesuatu yang melayakkan.
memapah	derivasi	Mengalami perubahan makna kerana morfem akar papah bermaksud memikul manakala kata terbitan memapah bermaksud merempuh.

sembarang	Infleksi	Tidak mengalami perubahan makna dan tidak mengalami perubahan golongan kata.
serondok	Infleksi	Tidak mengalami perubahan maksud kerana serondok tidak mengalami sebarang pengimbuhan dan perubahan golongan kata.
penanggung	Infleksi	Tidak mengalami perubahan makna walaupun morfem akar menerima imbuhan yang membentuk kata terbitan penanggung.
meleset	Infleksi	Tidak mengalami perubahan makna walaupun menerima imbuhan. Ianya juga berada dalam pergolongan yang sama iaitu kata kerja. Perkataan ini membawa maksud menyapu
menjelajahi	Infleksi	Tidak mengalami perubahan kerana kata akar jelajah apabila menerima imbuhan yang membentuk kata terbitan menjelajahi adalah mempunyai maksud yang sama dan tidak berubah iaitu berjalan merata-rata tempat untuk menyelidik.

SOALAN 3

- [a] [i] Tentukan golongan kata bagi setiap kata terbitan yang terbentuk.
- [ii] Buktikan jawapan anda dengan sokongan hujahan yang memadai.
- [b] Apabila kata kecil menerima imbuhan, kenal pasti perubahan yang berlaku dari aspek
- [i] fungsi
 - [ii] golongan kata
 - [iii] makna

3A[i] Golongan Kata	3A[ii] Bukti Golongan Kata	3B[i] Fungsi Kata Terbitan dalam ayat	3B[ii] Perubahan Golongan Kata	3B[iii] Makna Kata Terbitan yang terbentuk
i) Kata Adverba	<p>i. Diikuti dengan pengimbuhan se-....-nya dan digandingkan dengan kata adjektif gandaan iaitu sekecil-kecilnya.</p> <p>ii. Boleh diterangkan dengan Adverba Tolak Ansur.</p>	Berfungsi sebagai keterangan dalam frasa adverba	Kata Adjektif – Kata Adverba	Merujuk hal yang paling kecil.

ii)Kata Kerja	<p>i.mempunyai Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut seperti mengecil.</p> <p>ii. Awalan menge- merujuk kepada satu jenis perbuatan yang sebenar dan menunjukkan sikap atau keadaan.</p>	Inti ayat kepada frasa kerja.	Kata Adjektif – Kata Kerja	Menjadi kecil
iii)Kata Kerja	<p>i. Kewujudan imbuhan apitan meN-...-kan yang digabungkan dengan kata adjektif untuk membentuk kata kerja</p>	Berfungsi sebagai inti dalam binaan frasa kerja dan sebagai subjek dalam ayat.	Kata Adjektif – Kata Kerja	Melakukan perbuatan ke atas diri sendiri yang menyebabkan kecil.

	<p>transitif iaitu mengecilkan.</p> <p>ii. Diikuti dengan objek tepat atau penyambut dalam ayat transitif aktif iaitu mengecilkan biji matanya.</p> <p>Biji matanya disebut sebagai objek tepat yang hadir selepas kata kerja transitif.</p>			
iv) Kata Kerja	<p>i. Kewujudan imbuhan apitan memper-....-kan yang digabungkan dengan kata adjektif berganda untuk membentuk kata kerja transitif iaitu memperkecil-kecilkan.</p>	Berfungsi sebagai predikat dalam ayat	Kata Adjektif – Kata Kerja	Melakukan perbuatan yang menyebabkan kecil.

	<p>ii. Diikuti dengan komplimentizer yang: sikap pembangkang yang memperkecil-kecilkan.</p>			
v)Kata Kerja	<p>i. Diikuti dengan objek tepat atau penyambut dalam ayat transitif aktif iaitu memperkecil-kecil sekolah Melayu. Sekolah Melayu disebut sebagai objek tepat yang hadir selepas kata kerja transitif.</p>	Berfungsi sebagai inti kepada frasa kerja	Kata Adjektif – Kata Kerja	Melakukan perbuatan yang menyebabkan kecil.
vi)Kata Adjektif	i.Diikuti dengan kata preposisi yang mempunyai	Berfungsi sebagai pelengkap,	Kata Adjektif – Kata Adjektif	Memerihalkan perkara yang kecil.

	<p>kata depannya ialah secara kecil-kecilan.</p> <p>ii. Boleh diterangkan dengan adverba gaya</p>			
vii) Kata Adjektif	<p>i. Kewujudan imbuhan apitan ke-....-an yang menunjukkan suatu keadaan atau sifat kata adjektif yang diterangkan.</p>	Berfungsi sebagai penerang kepada frasa adjektif	Kata Adjektif – Kata Adjektif	Merujuk kepada perasaan yang berasa kecil

SOALAN 4

Telitikan DATA D dan jawab soalan [a] – [c].

[a] Kenal pasti semua morfem dan nyatakan makna morfem tersebut.

[b] Nyatakan sama ada morfem tersebut merupakan prefiks atau sufiks.

Bil.	Morfem (soalan a)	Makna morfem (soalan a)	prefiks/sufiks (soalan b)
1.	m-	Morfem m- menunjukkan makna tunggal bagi kata nama untuk orang. Kata nama untuk orang berada di kelas kata 1. Kelas bernombor ganjil adalah tunggal, kelas bernombor genap adalah jamak. Contohnya “ <i>mtoto</i> ” bermaksud anak, “ <i>mtu</i> ” bermaksud orang. Ini menunjukkan orang tersebut hanya satu atau tunggal.	prefiks
2.	toto	Morfem “ <i>toto</i> ” merupakan morfem bebas yang bermaksud anak. Hal ini kerana “ <i>toto</i> ” mempunyai makna dan boleh berdiri sendiri. Morfem ini merupakan kata nama orang.	-
3.	a-	Morfem a- membawa makna tunggal. Awalan a- pada kata kerja muncul kerana untuk menunjukkan makna tunggal seperti morfem m- pada awalan kata nama. Contohnya subjek ayat <i>mtoto</i> dan <i>mtu</i> membawa makna tunggal jadi diikuti juga morfem a- bagi kata kerja untuk menunjukkan makna tunggal. Bahagian awalan ini menerima awalan konkordan kelas kata nama yang sama atau sepadan dengan kata kerja.	prefiks
4.	-me-	Morfem -me- menunjukkan tindakan atau situasi yang berlaku pada masa lalu, namun tumpuan adalah pada kaitan tindakan lalu dengan masa kini. Contohnya, <i>amefika</i> “telah tiba” menerangkan tindakan masa lalu dengan kaitan semasa iaitu dia sudah ada sekarang.	prefiks

5.	fik	“fik” merupakan morfem bebas iaitu morfem yang boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna yang bermaksud tiba.	-
6.	-a	-a ini merupakan vokal akhir yang hanya relevan kepada kata kerja pendek atau biasa saja. Ia merupakan preposisi genatif yang terbentuk dari kata kerja subjek konkord.	sufiks
7.	-na-	Morfem na- membawa makna masa kini yang pasti berlaku. Contohnya, <i>anafika</i> , <i>wanafika</i> , <i>analala</i> , <i>wanalala</i> , <i>vinaanguka</i> dan <i>kinaanguka</i> yang menunjukkan perkara yang sedang berlaku.	prefiks
8.	-ta-	Morfem -ta- menunjukkan masa depan yang positif iaitu akan. Contohnya <i>atafika</i> , <i>watafika</i> , <i>atalala</i> , <i>vitaanguka</i> , <i>kitaanguka</i> dan <i>watalala</i> yang menunjukkan makna pasti akan berlaku.	prefiks
9.	wa-	Morfem wa- tergolong dalam kelas kata 2 yang membawa makna jamak bagi orang. Perkataan watoto, watu yang dicirikan oleh awalan wa- menunjukkan ramai. Ini menunjukkan awalan wa- itu membawa makna jamak atau banyak.	prefiks
10.	wa-	Bagi perkataan yang mempunyai morfem wa- di hadapan kata kerja, -wa ini juga membawa makna jamak. Ia muncul kerana subjek di hadapan adalah kata nama jamak pada kelas kata 2. Kelas kata 2 adalah untuk jamak orang.	prefiks
11.	tu	Morfem “tu” merupakan morfem bebas yang mempunyai makna dan boleh berdiri sendiri. Morfem “tu” bermaksud orang. Morfem ini merupakan subjek ayat yang merupakan kata nama untuk orang.	-

12.	lala	Morfem “ <i>lala</i> ” merupakan morfem bebas yang mempunyai makna dan boleh berdiri sendiri. Morfem “ <i>lala</i> ” bermaksud tidur. Morfem bebas ini merupakan kata kerja.	-
13.	ki-	Morfem ki- merupakan kata nama kelas kata 7. Awalan ki- membawa makna tunggal untuk alat. Contohnya “ <i>kisu</i> ” iaitu pisau dan “ <i>kikapu</i> ” iaitu bakul yang menunjukkan alat tersebut satu atau tunggal.	prefiks
14.	ki-	Morfem ki- di hadapan kata kerja merupakan kesepadan dengan kata nama subjek ayat. Ini menunjukkan makna tunggal yang hadir di hadapan kata kerja. Proses ini disebut perjanjian atau kesepakatan. Bahagian awalan ini menerima awalan konkordan kelas kata nama yang sama atau sepadan dengan kata kerja. Contohnya, subjek <i>kisu</i> yang dicirikan awalan ki- hadir juga pada perkataan <i>kimeanguka</i> yang mempunyai awalan ki-.	prefiks
15.	su	Morfem “ <i>su</i> ” merupakan morfem bebas yang mempunyai makna sendiri dan boleh berdiri sendiri. “ <i>su</i> ” yang berfungsi sebagai kata dasar ini membawa maksud pisau.	-
16.	anguk	Morfem “ <i>anguk</i> ” merupakan morfem bebas yang mempunyai makna dan boleh berdiri sendiri. Morfem “ <i>anguk</i> ” bermaksud tidur. Morfem bebas ini merupakan kata kerja.	-
17.	vi-	Morfem vi- merupakan kata nama kelas 8 yang menunjukkan makna jamak. Awalan ki- membawa makna jamak untuk alat. Contohnya “ <i>visu</i> ” iaitu pisau-pisau dan “ <i>vikapu</i> ” iaitu bakul-bakul yang menunjukkan alat tersebut banyak atau jamak.	prefiks

18.	vi-	Morfem vi- di hadapan kata kerja merupakan kesepadan dengan kata nama subjek ayat. Ini menunjukkan makna jamak yang hadir di hadapan kata kerja. Proses ini disebut perjanjian atau kesepakatan. Bahagian awalan ini menerima awalan konkordan kelas kata nama yang sama atau sepadan dengan kata kerja. Contohnya, subjek <i>visu</i> yang dicirikan awalan vi- hadir juga pada perkataan <i>vimeanguka</i> yang mempunyai awalan vi-.	prefiks
19.	kapu	Morfem “kapu” merupakan morfem bebas. “kapu” bermaksud bakul. Morfem ini merupakan kata dasar .	-